

BAHASA MELAYU TAHUN 6
KERTAS 1
MASA : 50 MINIT

Arahan Am:

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Tiap-tiap soalan mengandungi **empat pilihan** jawapan **A, B, C,** dan **D**. Pilih **satu jawapan** sahaja yang betul.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **jawapan yang paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1

1. Wajah Amran _____ apabila mengenangkan masalah keluarga yang dihadapinya.
- A. sugul
B. ceria
C. marah
D. gembira



Gambar 1

2. Pokok besar di sepanjang jalan itu ditebang _____ membahayakan nyawa pengguna jalan raya.
- A. tetapi B. kerana C. supaya D. sebelum
3. Gadis itu terpilih sebagai model produk kecantikan itu kerana dia _____.
- A. ada akal B. ada hati C. ada rupa D. bulat hati

Soalan 4 berdasarkan Gambar 2

4. Perempuan itu _____ sebuah bakul berisi sayur-sayuran yang dibeli di Pasar Tani Taman Universiti.
- A. memikul B. menjunjung
C. membawa D. menggalas




Gambar 2

5. _____ seminggu yang lalu, Pak Ali terlantar _____ rumah sahaja kerana sakit kaki.
- A. Sejak ... di B. Pada ... hingga C. Semenjak ... dengan D. Dari ... hingga
6. Salmah gemar duduk di bawah pohon itu sambil melihat ombak _____ pantai.
- A. memukul B. melanggar C. merempuh D. menghentam

7. Pementasan teater Seri Mersing di dewan itu mendapat sambutan yang _____ daripada peminat teater tanah air.

- A. sejuk
- B. hangat
- C. membosankan
- D. membina

Soalan 8 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

8 Syarif berlari _____ semasa pulang dari taman permainan kerana dikejar seekor anjing garang.

- A. simpang- siur
- B. bengkok- bengkok
- C. lintang – pukang
- D. perlahan-lahan

9. Pak Dolah dan anak-anaknya menanam padi di _____ tanah sawahnya di hujung kampung.

- A. sehelai
- B. sebidang
- C. sesudut
- D. sebatang

10. Ibu berpesan kepada ayah supaya membelikannya _____ penyapu lidi dan dua _____ gunting..

- A. seberkas ... bilah
- B. sebuah ... butir
- C. sebatang ... bekas
- D. sebatang ...bilah

11. Shahid _____ tunangnya , Shahidah sehelai selendang sutera Terengganu dan sejambak bunga mawar merah.

- A. menghadiahkan
- B. menghadiahi
- C. menghadiah
- D. berhadiah

Soalan 12 ,berdasarkan gambar 4.



Gambar 4

12 Simpulan bahasa yang paling sesuai berkaitan dengan situasi dalam gambar di atas ialah?

- A. pukul curi
- B. peluk tubuh

13. Abang membeli beberapa _____ mata kail di kedai peralatan memancing.
 C. perang mulut D. pasang telinga
 A. buah B. butir C. bentuk D. batang

Soalan 14 dan 15, berdasarkan gambar 5.



Gambar 5

14. Penjenayah itu dibawa ke balai polis _____ disyaki terlibat _____ kes penculikan.
 A. tetapidan B. keranadalam C. sambil dan D. bila...dalam
15. _____ ditangkap di sebuah rumah kosong ketika sedang tidur .
 A. Baginda B. Beliau
 C. Dia D. Mereka

Soalan 16 dan 17 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

16. Pengemis itu berjalan seorang diri dengan memakai pakaian yang _____.
 A. compang –camping B. kusut masai C. koyak rabak D. lubang-lubang
17. Dia berjalan sambil _____ air minuman yang diberi oleh seorang penjual air.
 A. Mengepit B. menjinjit C. memikul D. mengelek
18. Razi _____ di dalam semak kerana tidak mahu kehadirannya disedari oleh penjahat itu.
 A. melindungi B. perlindungan
 C. berselindung D. melindungi
19. Pilih **perkataan seerti** bagi perkataan yang bergaris.
- Semenjak kampung itu dilanda banjir sungainya semakin tohor.
 A. dalam B. deras
 C. cetek D. tenggelam

20. Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang bergaris.

Noraini duduk di tepi sungai itu kerana mahu menenangkan fikirannya.

- A. menyihatkan B. menceriakan

Soalan 21 Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

21. Mengapakah Mak Leha berasa sangat kecewa?

- A. Kecewa kerana anaknya mendapat 5Ad dalam UPSR 2010
B. Pencapaian anaknya dalam pelajaran tidak memuaskan.
C. Anaknya menjuarai pertandingan tersebut.
D. Kerana anaknya memenangi pertandingan memancing .

Soalan 22

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

22. Restoran itu sentiasa mengutamakan kepuasan para pelanggan dan kebersihan di restorannya.

- A. Di manakah letaknya restoran itu?
B. Bagaimanakah caranya hendak pergi ke restoran itu?
C. Mengapakah restoran itu sentiasa dikunjungi orang?
D. Apakah yang dapat kita lakukan di restoran itu?

Soalan 23 dan 25 Pilih ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.

23. A. “Saya jangan mahu perkara ini dibesar-besarkan,” kata Guru Besar.

- B. Sesiapapun tidak dibenarkan berbual dengan orang yang tidak dikenali.
C. "Tolong maaf, kak. Sebenarnya, saya tidak berniat untuk menyinggung perasaan kakak," kata Hamidah.
D. "Bukan tolong perlahankan radio itu," kata ayah kepada abang.

24. I. Pak Mat meraut hujung kayu itu sehingga runcing.

II. Masalah itu bertambah runcing apabila kedua-dua belah pihak tidak mahu mengalah.

III. Fikiranku runcing apabila memikirkan nasib diriku yang malang.

IV. Pemandu kendaraan dinasihati berhati-hati ketika melalui selekoh yang runcing itu.

- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II, dan III sahaja
D. I, III dan IV sahaja

25 Pilih ayat -ayat yang menggunakan **perkataan yang bergaris dengan betul.**

I. Stesen angkasa lepas itu dianggarkan bernilai berjuta-juta ringgit..

II. Pada minggu lepas, kami sekeluarga berkelah di Pantai Desaru.

III. “Lepas menonton televisyen, jangan lupa membaca buku,” kata ibu kepada adik.

IV. Jangan lepas tangan sekiranya telah melakukan kesalahan.

- A. I dan II sahaja B. II dan III sahaja C. I dan IV D. I, II dan IV

Soalan 26 dan Soalan 27 .

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26. “Sebenarnya, ayah saya tidak mempunyai wang untuk menjelaskan yuran sekolah, cikgu” kata Cindy kepada Cikgu Mahmud.

- A. Cindy membenarkan Cikgu Mahmud menyoalnya berhubung pembayaran yuran sekolah.
B. Cindy berasa sedih apabila Cikgu Mahmud bertanya tentang pembayaran yuran sekolah.
C. Cindy melaporkan bahawa ayahnya masih belum menjelaskan yuran sekolah.
D. Cindy menerangkan kepada Cikgu Mahmud bahawa ayahnya tidak mempunyai wang untuk menjelaskan yuran sekolah.

27. Ibu tidak suka perbuatan abang yang suka menghabiskan masanya bermain permainan Video.

- A. Abang selalu menghabiskan masa bermain permainan video.
- B. Permainan video yang sering dimainkan oleh abang tidak disenangi oleh ibu.
- C. Perbuatan abang yang suka bermain permainan video tidak disenangi oleh ibu.
- D. Abang selalu bermain permainan video ibu amat menggalakkan.

Soalan 28,29 dan 30

Pilih ayat yang betul.

28. A. Ah, kemas dan cantik sungguh tudung yang kamu pakai!
B. Hai, saya tidak sukakan fesyen rambut panjang begini!
C. Eh, pandainya rupa-rupanya kamu mendandan rambut!
D. Aduh, cantiknya rambut yang kamu dandan!
29. I Encik Johar sekeluarga diundang kepada majlis itu.
II Chan Meng gemar makan keropok dengan cili sos.
III Ayah Ruhil pandai membaiki perkakasan elektrik.
IV Penduduk Kampung Laut sentiasa berasa bimbang setiap kali turunnya hujan lebat.
- A. I dan III sahaja B. II dan IV sahaja
C. III dan IV sahaja D. II, III, dan IV sahaja
30. I Mak Senah berniaga goreng pisang di simpang jalan itu setiap petang.
II Permainan gasing merupakan permainan tradisional yang terkenal di negeri Kelantan.
III Semua soalan itu dijawabnya dengan tepat.
IV Amirah berjaya menjadi johan pertandingan bercerita yang diadakan di sekolahnya.
- A. I dan IV sahaja B. II dan IV sahaja
C. III dan IV sahaja D. II, III, dan IV sahaja

Soalan 31 hingga 35. Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberi.

Tahukah anda tentang adat perkahwinan orang Melayu ? Dalam adat perkahwinan orang Melayu terdapat beberapa peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah merisik, meminang, bertunang ,menghantar belanja, akad nikah dan bersanding.

Merisik dilakukan kerana pihak lelaki ingin mengetahui sama ada anak gadis sudah dipinang atau belum.Biasanya keluarga pihak lelaki menghantar wakil untuk berjumpa dengan keluarga pihak perempuan. Wakil-wakil yang dihantar biasanya mempunyai ikatan persaudaraan keluarga di sebelah pihak lelaki.

Setelah mengetahui pihak perempuan belum dipinang, peminangan pun dilakukan. Peminangan ialah melamar seseorang gadis untuk dijadikan isteri.Pihak lelaki menghantar rombongan ke rumah pihak perempuan untuk meminta persetujuan bagi melangsungkan perkahwinan.

Kemudian dijalankan istiadat pertunangan.Pada peringkat bertunang inilah pihak lelaki memberikan sebentuk cincin kepada pihak perempuan menandakan peminangan telah diterima.Semasa majlis ini dijalankan, beberapa hantaran seperti pakaian,kuih-kuih,buah-buahan dan lain-lain disediakan. Semasa peminangan, adat menghantar belanja dijalankan. Jumlah belanja dan penetapan tarikh perkahwinan dibincangkan oleh kedua-dua pihak.

Pada peringkat ini , pihak lelaki biasanya menghantar wang belanja dan pelbagai hadiah untuk majlis perkahwinan yang akan diadakan kelak. Apabila tiba masa yang ditetapkan, akad nikah dialankan.

Akad nikah ialah perjanjian dalam perkahwinan. Akad nikah merupakan satu perkara yang wajib dalam agama Islam.Akad nikah dilakukan oleh ‘Kadi’ atau juru nikah. Kadi ialah ketua agama bagi sesebuah daerah.Kemuncak majlis ialah majlis persandingan.

Semasa persandingan dijalankan **mempelai** akan berpakaian sedondon dan duduk di atas pelamin yang dihias dengan cantik sekali. Jamuan makan dan majlis persandingan akan diadakan di rumah pihak perempuan. Setelah itu, barulah majlis bertandang ke rumah lelaki dibuat. Majlis persandingan ini biasanya dimeriahkan dengan iringan paluan kompang

31. Bagaimanakah adat perkahwinan orang Melayu dilangsungkan ?
A Meminang, merisik, bertunang, menghantar belanja, akad nikah dan bersanding.
B Bertunang, merisik, meminang, menghantar belanja, dan akad nikah serta bersanding
C Merisik, meminang, bertunang, menghantar belanja, akad nikah dan bersanding
D Merisik, meminang, menghantar belanja, bertunang, akad nikah dan majlis persandingan
32. Bagaimanakah proses merisik dijalankan ?
A Pihak lelaki menghantar rombongan untuk meminta persetujuan bagi peminangan.
B Kedua-dua pihak berbincang untuk menetapkan tarikh persandingan
C Pihak lelaki memberi sebentuk cincin sebagai tanda peminangan diterima.
D Pihak lelaki menghantar wakil untuk menyiasat gadis tersebut sudah bertunang atau belum.
33. Mengapakah pihak lelaki memberi sebentuk cincin kepada pihak perempuan ?
A Sebagai hadiah
B Menunjukkan pihak lelaki bersetuju
C Menandakan pinangan telah diterima
D Sebagai hantaran
34. Peribahasa yang paling sesuai dengan pasangan pengantin yang sama cantik dan sama padan ialah...
A. Bagai isi dengan kuku
B. bagai pinang dibelah dua
C. Bagai bulan dipagar bintang
D. Seperti aur dengan tebing
35. Apakah yang dimaksudkan dengan **mempelai** seperti dalam petikan..
A. bapa pengantin
B. pasangan pengantin
C. bakal bapa pengantin
D. pengantin lelaki

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca catatan harian di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Rabu, 1 Januari 2010

Cuti pertengahan tahun baru sahaja bermula semalam. Tuk Ngah akan pulang ke utara setelah menghadiri majlis perkahwinan di rumah Pak Long. Tuk Ngah **mempelawa** saya bercuti di kampung. Saya sangat gembira kerana ayah membenarkan saya mengikut Tuk Ngah. Pada malam ini, saya dan Tuk Ngah akan bertolak ke Jitra dengan bas.

Khamis, 2 Januari 2010

Hari ini ialah hari pertama saya berada di kampung. Pada sebelah petang, Tuk Ngah membawa saya ke pekan Bukit Kayu Hitam. Saya membeli patung beruang dan tuala mandi di sana. Saya juga membeli pemegang kunci di kedai cenderamata.

Jumaat, 3 Januari 2010

Selepas makan tengah hari, Pak Teh Ramlan dan anaknya Amirah mengajak saya ke Hutan Lipur Bukit Wang. Kami ke sana dengan menaiki kereta Pak Teh Ramlan. Saya berasa amat gembira kerana dapat mandi di sana. Air di situ sungguh sejuk dan nyaman.

Sabtu, 4 Januari 2010

Pada hari ini Tuk Ngah, Pak Teh Ramlan, dan Amira membawa saya ke Alor Setar. Saya dibawa melawat Balai Seni Negara, Balai Nobat, dan Masjid Zahir. Kami menikmati juadah tengah hari di Medan Selera yang terletak berhampiran dengan Stadium Darul Aman. Pada malam itu, Pak Teh Ramlan menghantar saya pulang ke Kuala Lumpur.

36 Bilakah penulis pergi ke Jitra?

- A Malam 1 Januari 2010
- B Hari pertama cuti pertengahan tahun
- C Hari kedua cuti pertengahan tahun
- D Hari ketiga cuti pertengahan tahun

37 Di manakah penulis membeli patung beruang?

- A Jitra.
- B Alor Setar
- C Bukit Kayu Hitam.
- D Hutan Lipur Bukit Wang.

38 Berapa lamakah penulis berada di Jitra ?

- A dua hari.
- B tiga hari.
- C empat hari.
- D sehari

39 Perkataan **mempelawa** dalam catatan harian bermaksud

- A Menikmati
- B mengajak
- C membawa
- D menjemput

40 Penulis mengunjungi tempat-tempat berikut **kecuali**

- A kawasan perkelahan.
- B kedai cenderamata.
- C Balai Seni Negara
- D kawasan kilang.

JAWAPAN

- | | |
|-------|------|
| 1. D | 21.A |
| 2. B | 22.C |
| 3. C | 23.B |
| 4. B | 24.A |
| 5. A | 25.D |
| 6. A | 26.D |
| 7. B | 27.C |
| 8. C | 28.C |
| 9. B | 29.D |
| 10. A | 30.C |
| 11. B | 31.C |
| 12. C | 32.D |
| 13. C | 33.C |
| 14. B | 34.B |
| 15. C | 35.B |
| 16. A | 36.A |
| 17. B | 37.C |
| 18. C | 38.C |
| 19. C | 39.B |
| 20. C | 40.D |